



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN (KENDERAAN)**

Kementerian atau Jabatan:

**Kepada Semua Ketua Jabatan Negeri / persekutuan
dan Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:-

| No. Sebut Harga | Keterangan Aset | Nombor Pendaftaran Kenderaan | Kuantiti | Harga Simpanan (RM) |
|-----------------|--|------------------------------|----------|---------------------|
| P0001/22 | Jenis Kenderaan: Motosikal Buatan: Modenas Model: Kriss AN110E Tahun Dibuat: 2004 | NBN 9342 | 1 | 400.00 |
| P0002/22 | Jenis Kenderaan: Motosikal Buatan: Modenas Model: Kriss AN110E Tahun Dibuat: 2004 | NBN 9341 | 1 | 400.00 |

2. Aset boleh dilihat bermula pada **24 Februari hingga 03 Mac 2022** di antara jam **09.30 pagi hingga 3.30 petang** seperti di keterangan berikut:-

| Alamat Lokasi |
|---|
| Bangunan Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson, Km 1, Jalan Pantai, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus. |



3. Kehadiran penyebutharga bagi melihat fizikal Pelupusan Aset Alih, perlu membuat temujanji terlebih dahulu dengan Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor (BPAS) menghubungi Cik Nurul Akmam binti Mahbob di talian 06 647 1122 sambungan 1907.
4. Penyebutharga yang hadir **WAJIB** mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) dan memakai pelitup muka (*Face Mask*) semasa berurusan di kawasan MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan akan dikenakan tindakan.
5. Tawaran sebutharga dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (**KEW.PA-28**) boleh diperolehi dan dimuat turun secara percuma di PORTAL MPPD melalui laman sesawang www.mppd.gov.my . Tempoh sah laku tawaran adalah **90 hari** dari tarikh sebutharga ditutup.
6. Kakitangan Majlis Perbandaran Port Dickson tidak dibenarkan menyertai sebut harga kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak.
7. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan **sampul surat saiz A4 berlakri beserta Deposit Sebut harga 5% daripada harga tawaran** dan di tanda No.Sebut harga P _ _ _ _ /22 dibahagian atas kanan sampul dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Port Dickson,
Km 1, Jalan Pantai, Blok A,
71009 Port Dickson,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
(u.p.: Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor).**
8. Tarikh tutup sebut harga pada **04 Mac 2022 (Jumaat) jam 12:00 tengah hari**. Tawaran Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
9. Majlis Perbandaran Port Dickson adalah tidak terikat untuk menerima mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa ulasan di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa sebut harga adalah muktamad.

MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Port Dickson

Tarikh:

22 Feb 2022



SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. **Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk Wang Pos / Kiriman Wang atau Draf Bank sahaja** atas nama **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri. Penyebutharga yang berjaya hendaklah memberi bukti bergambar bahawa tindakan menanggalkan logo dan stiker MPPD atau seumpamanya telah diambil. Jika gagal, bayaran deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
7. Tawaran Sebutharga yang dihantar melalui pos, hendaklah memastikan tawaran tersebut diterima oleh MPPD sebelum tarikh dan waktu sebutharga ditutup.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset.
10. Pembeli yang berjaya hendaklah selesai membuat tukar hak milik di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam tempoh 7 hari dari tarikh mengambil aset. Jika gagal, bayaran deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.